

# MBPJ lulus 59 permohonan

Sejak 2011 sebanyak 59 permohonan diluluskan secara bersyarat, lapan ditolak dan dua ditangguhkan

**PETALING JAYA** - Permohonan Skim Komuniti Berpengawal hanya akan diperimbangkan kelulusannya oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) jika majoriti penduduk kawasan perumahan memberikan persetujuan dengan pelaksanaan sistem tersebut.

Pegawai Komunikasi Korporat MBPJ, Abdul Hakim Khairuddin berkata, sejak tahun 2011 sebanyak 59 permohonan diluluskan secara bersyarat, lapan ditolak dan dua ditangguhkan.

Menurutnya, aspek keselamatan menjadi keutamaan namun pelaksanaan skim itu perlu dikaji secara meluas dan implikasi jangka masa panjang.

"Sekurang-kurangnya 75 peratus daripada jumlah



ABDUL HAKIM

penduduk perlu bersetuju dengan sistem itu. Garis panduan itu antara ditetapkan oleh MBPJ sebelum permohonan diproses dan lawatan tapak dilakukan MBPJ, Ahli Majlis dan Adun serta pejabat tanah.

"Perkara itu akan dibawa ke mesyuarat jawatankuasa komuniti berpengawal diikuti



Antara kawasan yang telah diberi kelulusan melaksanakan skim komuniti berpengawal.

di peringkat perancangan bandar sebelum disahkan ke mesyuarat penuh MBPJ," katanya.

Katanya, terdapat beberapa perkara faktor kepada per-

mohonan ditolak antaranya permohonan tidak melalui persatuan penduduk atau rukan tetangga.

"Selain itu pembinaan pondok pengawal yang tidak

mematuhi spesifikasi iaitu saiz pondok yang melebihi 14.6 meter dan penyediaan tandas di dalam pondok pengawal perlu mendapat permit atau kelulusan daripada

Jabatan Kawalan Bangunan terlebih dahulu.

"Palang besi di pintu masuk utama hendaklah mematuhi spesifikasi yang dibenarkan dan pembinaan pagar mengelilingi kawasan perumahan adalah tidak dibenarkan," katanya.

Tambahnya, pembinaan pondok pengawal hanya boleh dimulakan setelah cadangan reka bentuk mendapat permit kelulusan pembinaan sementara dari Jabatan Kawalan Bangunan dan peletakan pondok pengawal hendaklah mempunyai anjakan sekurang-kurangnya 0.6 meter daripada longkang sedia ada.

"Lain-lain faktor berdasarkan kepada permohonan yang dikemukakan oleh pemohon," katanya.

## MPK guna pakai garis panduan GGC

**KLANG** - Majlis Perbandaran Klang (MPK) mengguna pakai manual garis panduan Gated and Guarded Community (GGC) atau dikenali sistem komuniti berpagar bagi daerah ini.

Pengarah Komunikasi Korporat, Norfiza Mahfiz berkata, pindaan pemakaian manual diluluskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pusat

Setempat (OSC) bil 20/2017 pada 23 Oktober 2017 lalu.

"Hasil semakan mendapati terdapat sejumlah 176 skim GGC di kawasan pentadbiran MPK.

"Sejumlah 64 skim sudah diberi kelulusan manakala bakinya dalam proses permohonan dan juga notis," katanya.

Menurutnya, terdapat juga permohonan GGC yang ditolak oleh MPK

atas pelbagai sebab.

"Antara sebabnya permohonan itu mendapat bantahan daripada penduduk dan tidak mematuhi syarat-syarat teknikal yang digariskan majlis.

"Selain itu, majlis juga terpaksa menolok permohonan ekoran tidak mendapat 100 peratus persetujuan penduduk di kawasan itu," katanya.

## Perlu patuh syarat: MBSA

**SHAH ALAM** - Komuniti atau kawasan perumahan di Shah Alam yang mahu mewujudkan sistem komuniti berpagar perlu mematuhi syarat ditetapkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, pihak majlis tidak mempunyai sebarang masalah selagi garis panduan ditetapkan dipatuhi dan permohonan berkenaan mendapat persetujuan penduduk.

"Permohonan perlu mendapatkan persetujuan yang mencukupi daripada penduduk.

"Kemudian perlu dilihat juga beberapa syarat lain yang telah ditetapkan oleh pihak majlis sebagai garis panduan utama yang perlu dipatuhi.

"Biasanya setiap permohonan akan dibawa masuk dan dibincangkan pada peringkat jawatankuasa pusat setempat sebelum sebarang keputusan terhadap permohonan dilakukan," katanya kepada Sinar Harian.

Menurutnya, dalam sesetengah keadaan permohonan untuk mewujudkan komuniti berpagar akan ditolak terutamanya apabila melibatkan sambungan jalan utama.



SHAHRIN

Selain itu, katanya apabila permohonan dari sesebuah kawasan perumahan yang kawasanya berhampiran dan melibatkan satu perumahan yang lain, permohonan berkenaan juga biasanya tidak akan diluluskan.

"Kebanyakan permohonan yang ditolak adalah disebabkan oleh faktor jalan-jalan yang terlibat melibatkan jalan yang bersambung dengan perumahan bersebelahan atau melibatkan kawasan perumahan yang besar dan rumah yang banyak.

"Kepada komuniti yang mahu memohon kawasan berpagar, boleh merujuk kepada pihak majlis dan kita sedia memberikan penjelasan berkenaan garis panduan yang perlu dipatuhi," katanya.

## Hanya 20 taman perumahan dapat kelulusan

**PANDAN INDAH** - Hanya 20 taman perumahan di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sudah mendapat kelulusan bagi pelaksanaan sistem kawalan keselamatan.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, manakala baki 30 daripada 50 perumahan itu didapati melaksanakan sistem kawalan secara berpagar dan berpengawal tanpa kebenaran pihaknya.

Menurutnya, banyak permohonan tidak diluluskan kerana pemohon tidak menepati syarat ditetapkan.

"Kita kerap menerima permohonan daripada persatuan penduduk untuk wujudkan sistem kawalan secara berpagar dan berpengawal.



Kawasan perumahan yang mempunyai sistem kawalan keselamatan.

"Mengikut garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Lembaga Perumahan dan Hartanah, sekurang-kurangnya 75 peratus penduduk

perlu bersetuju wujudkan sistem tersebut," katanya.

Menurutnya, pembangunan perumahan yang mahu mewujudkan sistem kawalan secara berpagar perlu mempunyai kawasan lebih daripada tiga ekar.

"Ia adalah piawaian yang telah ditetapkan. Kita tidak mahu pembangunan perumahan seluas satu ekar pun mahu mewujudkan sistem kawalan itu kerana jumlah rumah yang sedikit, setiap rumah kena bayaran yang mahal," katanya.

Abd Hamid berkata, pelaksanaan skim itu perlu mengambil kira beberapa faktor lain termasuk tidak boleh menghalang perjalanan penduduk di kawasan lain atau sekitarnya.

"Jika didapati jalan tersebut dikongsi bersama penduduk dari taman perumahan lain, kita akan lihat kepada kesesuaian. Mereka boleh tutup laluan (boom gates) ke perumahan tersebut hanya dari jam 12 malam hingga 6 pagi," katanya.